

# Malaysia kekurangan dokter haiwan

**KUALA LUMPUR 27 Mac**

-Jumlah doktor haiwan di negara masih tidak mencukupi memandangkan kekurangan peluang dan kemudahan yang disediakan di pusat pengajian tinggi.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd. Hair Bejo berkata, hanya dua universiti yang membuka peluang kepada pelajar yang berminat menyambung pelajaran dalam bidang veterinar iaitu UPM dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Katanya, permohonan yang diterima sangat menggalakkan sehingga mencecah 3,000 hingga 4,000 setiap tahun namun pengambilannya perlu dihadkan.

"Pelajar yang memohon jelas menunjukkan mereka berminat untuk menceburi bidang tersebut dan perkara ini merupakan peluang bagi meningkatkan jumlah doktor haiwan di negara.

"Oleh sebab itu, ia harus diberi perhatian agar negara tidak ketinggalan dalam persaingan di peringkat global," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penutup Persidangan Veterinar Pan-Komanwel kali keenam dan Kongres Ke-27 Persatuan Veterinar Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman; Ketua Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Mohammad Azmie Zakaria dan Presiden Persatuan Veterinar Malaysia, Dr. Paul Chelliah.

Tambah Dr. Mohd. Hair, di negara ini seorang doktor bertanggungjawab menjaga 15,000 ekor haiwan namun di Amerika Syarikat seorang doktor hanya bertanggungjawab terhadap 5,000 ekor haiwan.

"Perbezaan tersebut menunjukkan negara kekurangan veterinar dan jauh berbeza dengan negara luar," katanya.